

Untung 9 bulan Maybank RM4.01b

Pendapatan kumpulan meningkat kepada RM13.82 bilion daripada RM12.73 bilion

Berita Harian 14/10/2010 M/S 31

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bharian.com.my

MALAYAN Banking Bhd (Maybank) mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM4.01 bilion bagi tempoh sembilan bulan berakhir 31 Mac 2010, melonjak 60.7 peratus berbanding RM2.5 bilion dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Dalam kenyataan semalam, bank terbesar tempatan itu berkata keuntungan memberangsangkan itu disumbangkan oleh pendapatan kumpulan yang meningkat kepada RM13.82 bilion daripada RM12.73 bilion.

Bagi suku tahun kewangan ketiga berakhir 31 Mac 2010, Maybank turut merekodkan keuntungan sebelum cukai yang memberangsangkan apabila melonjak 122.5 peratus kepada RM1.46 berbanding RM653.9 juta suku sama tahun sebelumnya.

Keuntungan sebelum cukai itu juga adalah 3.9 peratus lebih tinggi daripada RM1.40 bilion yang diraih

pada kedua tahun kewangan semasa.

Pendapatan suku ketiga Maybank pula meningkat kepada RM4.59 bilion daripada RM4.27 bilion sebelumnya.

Maybank menjelaskan, keuntungan sebelum cukai memberangsangkan itu disumbangkan oleh pendapatan lebih tinggi merentas semua segmen perniagaan, pendapatan bukan faedah lebih tinggi, selain pertumbuhan pinjaman kukuh dan peruntukan kerugian pinjaman yang lebih rendah.

Katanya, ia juga disumbangkan prestasi kukuh pasaran global, insurans, perbankan pelaburan serta prestasi kukuh di Singapura dan Indonesia.

Berikutan prestasi kukuh berkenaan, pendapatan sesaham Maybank bagi tempoh sembilan bulan kajian meningkat kepada 41.05 sen berbanding 32.91 sen bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

Aset bersih sesaham yang boleh diagihkan kepada pemegang saham pula



“Kami merangka hala tuju strategik baru untuk Kumpulan Maybank yang menyaksikan penyusunan semula model perniagaan supaya sejajar dengan sumber dan kekuatan untuk masa depan”

**Megat Zaharuddin
Megat Mohd Nor**
Pengerusi Maybank

meningkat kepada RM3.80 daripada RM3.52 pada Jun 2009.

Jumlah aset kumpulan meningkat 7.9 peratus berdasarkan asas tahunan kepada RM329 bilion setakat Mac 2010 daripada RM310 bilion pada Jun 2009.

Pengerusi Maybank, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, berkata momentum pertumbuhan kukuh yang berterusan sehingga suku terakhir itu jelas menunjukkan kejayaan usaha yang dilaksanakan tahun lalu ke arah mengukuhkan modal, meningkatkan keupayaan dan memacu perubahan dalam organisasi.

“Kami telah merangka hala tuju strategik baru untuk Kumpulan Maybank yang menyaksikan penyusunan semula model perniagaan supaya sejajar dengan sumber dan kekuatan untuk masa depan,” katanya.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, pula berkata, pihaknya yakin prospek lebih baik

pada masa depan dengan sinergi diperoleh daripada rangkaian yang diperbe-sarkan serta pertumbuhan aliran perdagangan dan pelaburan.

Katanya, kumpulan sedang bersedia menghadapi pelbagai perubahan kawal selia dan akan bekerja ke arah pematuhan FRS139 menjelang tahun kewangan depan.

“Persediaan bagi Basel II juga sedang melalui pen-sijilan pengawal selia dan dijangka selesai dalam tahun kewangan akan datang,” katanya.

Beliau berkata, Maybank juga akan melaksanakan struktur baru berkuat kuasa 1 Julai 2010 yang mana bahagian pertumbuhan perniagaan utama syarikat akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Perbankan Borong Global dan Insurans dan Takaful.

Bahagian berkenaan akan mendapat sokongan Pejabat Korporat dan Perkhidmatan Transformasi Enterpris, katanya.